

UMS tawar tempat 5,072 calon pelajar

OLEH BALQIS JAMALUDIN
balqis@newsabah-times.com.my

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menawarkan tempat kepada 5,072 calon pelajar sempena pendaftaran kemasukan Pelajar Baru Sesi 2013/2014 yang bermula kelmarin.

Menurut Naib Canselor UMS, Prof Dr Mohd Harun Abdullah (gambar), daripada jumlah berkenaan sebanyak 60 peratus atau seramai 2,813 merupakan pelajar aliran Sastera manakala 2,259 pula adalah pelajar aliran Sains.

Katanya, jumlah tersebut adalah berbeza daripada sasaran asal di

mana pihaknya menyasarkan sebanyak 60 peratus pelajar aliran Sains.

“Pun begitu UMS sentiasa berusaha untuk meningkatkan pelajar Sains di universiti ini melalui penubuhan Pusat Asasi Sains yang menerima kemasukan 263 pada sesi ini,” kata Mohd Harun dalam Majlis Sidang Akhbar Sempena Hari Pendaftaran Pelajar Baru UMS Sesi 2013/2014, di sini, kelmarin.

Selain itu, jumlah tersebut juga merangkumi 166 pelajar antarabangsa dan 100 orang pelajar miskin dari pelbagai daerah di seluruh Sabah yang ditawarkan melanjutkan pelajaran ke UMS.

“Pada tahun ini UMS menerima 5 peratus peningkatan pelajar

berbanding pada tahun lepas di mana pelajar wanita masih lagi menguasai kemasukan pelajar iaitu sebanyak 3,367 orang berbanding hanya 1,705 pelajar lelaki,” katanya.

Dalam pada itu katanya, proses pendaftaran pada kali ini lebih memudahkan para pelajar di mana urusan pendaftaran dan pembayaran yuran buat pertama kalinya dijalankan secara ‘online’.

Pada kali ini juga pendaftaran pelajar dibuka di semua sekolah berbanding dahulu yang hanya dibuka di Dewan Canselor sahaja, katanya.

Katanya, kesemua pelajar kemudiannya akan mengikuti Minggu Suai Mesra (MSM) selama seminggu sebagai persiapan bagi menye-

suaikan diri dengan suasana kampus sama ada dalam hal berkaitan akademik mahupun hal ehwal pelajar.

“Antara aktiviti sepanjang MSM termasuklah Majlis Pengenalan Universiti, Majlis Ikrar dan Aku Janji, Taklimat Universiti, Program Riadah dan Persembahan Bakat pada malam kemuncak,” katanya.

Turut hadir pada Majlis tersebut, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md. Mansur, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said dan Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial Merangkap Ketua Pengarah Pelaksana MSM 2013/2014, Prof. Madya Dr. Murnizam Malik.

